

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300**

TAJUK :
CANNY SCHOOL COLLECTION

PENGELUAR DAN PEMBEKAL
PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

DISEDIAKAN UNTUK :

*ENCIK MOHD. YUSOF BIN HASYIM
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300*

DISEDIAKAN OLEH :

HIDAYATUL SHIMA BT. HJ. KAMARUDDIN	95299176
NURUL HAZAH BT. AHMAD HAYATI	95273332
FAIZAH BT. HJ. MUSTAFHA	95259209
RODZIAH BT. ABD. AZIZ	95966380
RAHAYANTI BT. BASRAN	95999189

16 MAC 1998

Diploma Pengurusan Bank,
Bahagian 05,
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka,
78000 ALOR GAJAH,
Melaka.

16 Februari 1998.

En. Mohd. Yusof b. Hashim
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300),
Institut Teknologi Mara Cawangan Melaka,
78000 ALOR GAJAH,
Melaka.

Tuan,

Laporan Rancangan Perniagaan.

Merujuk kepada perkara di atas, di sini kami ingin mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan seperti yang telah diarahkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.


Matlamat utama laporan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar di kala ini. Ini kerana setiap perniagaan yang dijalankan adalah bermula dari teknik-teknik asas dan laporan ini merupakan sebahagian daripadanya.

Kami telah berusaha sedaya upaya dalam menyiapkan kertas kerja ini mengikut kemampuan kami dan berharap ianya dapat memenuhi segala keperluan tuan dan menepati kehendak mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).


Akhir sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak tuan di atas segala panduan, nasihat dan tunjuk ajar yang dihulurkan sehingga terhasilnya Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,




(Hidayatul Shima bt. Kamaruddin)




(Rodziah bt. Abdul Aziz)



(Faizah bt. Mustafha)



(Rahayanti bt. Basran)



(Nurul Hazah bt. Ahmad Hayati)

5.0 LATAR BELAKANG PROJEK

LOKASI TAPAK PROJEK

Alamat : No. 1&2, Jalan Bunga Raya 6/1
70400 Paroi, Seremban
Negeri Sembilan.

Perniagaan kami memilih lokasi ini kerana ia merupakan satu tempat yang strategik, di mana ia merupakan pusat perniagaan di kawasan Paroi. Di sekitar kawasan ini juga terdapat kawasan perumahan yang terdiri daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat. Pemilihan lokasi ini juga adalah berdasarkan jumlah pelajar-pelajar sekolah yang besar kerana terdapat banyak sekolah di sekitar kawasan ini. Kemudahan asas yang sedia ada seperti jalan raya juga merupakan faktor utama pemilihan lokasi ini.

BANGUNAN

Kami telah memilih kedai jenis dua tingkat untuk menjalankan perniagaan kami. Tingkat pertama kedai kami, kami jadikan sebagai tempat pemprosesan pakaian seragam sekolah, manakala tingkat kedua pula kami jadikan sebagai pejabat. Struktur binaan kedai kami yang berukuran 343 meter persegi amat sesuai untuk perniagaan kami. Kadar sewa yang dikenakan pula adalah RM 3000 sebulan.

KEMUDAHAN ASAS

Kedai kami ini disediakan dengan kemudahan asas seperti elektrik, air dan telefon. Kami telah menyediaka enam (6) telefon untuk kegunaan pejabat dan kilang. Pejabat kami juga dilengkapi dengan pendingin hawa dan komputer untuk memberi kemudahan dan keselesaan.

6.0 Rancangan Pemasaran

6.1 Analisis Pemasaran

Kami telah membuat analisis tentang aspek pemasaran barangan yang akan dikeluarkan. Analisis adalah berdasarkan kepada temubual dengan bakal pesaing serta membuat pemerhatian ke atas pelanggan-pelanggan sasaran kami. Analisis juga dibuat dengan melihat kepada keadaan pasaran masa kini dan kami juga membuat beberapa andaian tentang pasaran Canny School Collection ini pada masa hadapan.

Maklumat yang kami perolehi membolehkan kami membuat analisis dari aspek bentuk pasaran, saiz pasaran, pelanggan pasaran dan persaingan kami.

6.1.1 Bentuk Pasaran

Kami menjangkakan pasaran yang stabil untuk pasaran barangan kami kerana permintaan mempunyai alirannya mengikut keperluan dan kehendak para pelanggan. Kami memasarkan barangan kami dalam satu bentuk sahaja iaitu pasaran barangan siap. Antara ciri-ciri perniagaan ialah :

- a) Menjahit pakaian seragam sekolah yang dijadikan sebagai barangan siap yang akan diedarkan
- b) Agen-agen yang dilantik bertanggungjawab untuk mengedarkan barangan kami.
- c) Menghasilkan barangan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan.
- d) Pekerja-pekerja (tukang jahit) yang berpengalaman.